

## **Peranan Kolej Komuniti Temerloh Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat Berteraskan Elemen Revolusi Industri 4.0**

### **The Role of Temerloh Community College in Implementing Lifelong Learning Based on The Elements of The Fourth Industrial Revolution (Ir4.0)**

Mohd Fazli Khaisunizam Ismail<sup>1</sup>, Siti Shuhaili Mohamad Moha<sup>2</sup>  
& Norsaritanaini Mahasan<sup>3</sup>

<sup>1-3</sup> Kolej Komuniti Temerloh, 28400 Mentakab, Pahang

Corresponding author: fazli@kkmen.edu.my

Received: 26 May 2023 | Accepted: 10 June 2023 | Published: 28 June 2023

**Abstrak:** Kolej Komuniti Temerloh memainkan peranan penting dalam pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat berteraskan elemen Revolusi Industri 4.0. Merujuk kepada transformasi digital dan penggunaan teknologi yang mempengaruhi pelbagai aspek kehidupan, termasuk pendidikan dan pembelajaran. Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menggariskan Revolusi Industri ke-4 (IR4.0) yang melahirkan teknologi serba baru seperti Internet, permodelan dan simulasi dan sebagainya agar keperluan ilmu dapat diperluaskan kepada setiap masyarakat. Selain pelaksanaan kursus sepanjang hayat (PSH) untuk komuniti setempat, kolej komuniti juga telah mengambil langkah baru dalam meningkatkan modal insan yang seimbang iaitu melalui program pendidikan Islam sepanjang hayat (PISH). Walau bagaimanapun, kajian ini bermatlamat untuk meneliti dan menganalisis peranan serta statistik penyertaan daripada penglibatan komuniti dalam kursus PSH di Kolej Komuniti Temerloh berteraskan elemen revolusi industri 4.0. Tambahan pula, kajian ini menyarankan supaya lebih banyak kursus yang ditawarkan dalam PSH melalui menerapkan elemen revolusi industri ke-4 (IR4.0). Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan. Data kajian diperolehi melalui fail sumber primer dalam rekod kursus PSH Kolej Komuniti Temerloh. Data ini ditambah baik dari sumber sekunder berbentuk dapatan khidmat pelanggan dan laporan berkaitan dengan PSH di samping pemerhatian pengkaji ke atas peserta kursus. Kajian mendapati bahawa penyertaan dikalangan komuniti adalah tinggi adalah sebanyak 570 peserta pada tahun 2022, adalah 200 peratus lebih tinggi dari tahun-tahun sebelumnya, penyertaan diantara kaum selain dari Melayu berada di tahap yang sangat rendah.

**Kata kunci:** Kolej Komuniti Temerloh; Pembelajaran Sepanjang Hayat, Komuniti, Temerloh; Pahang

**Abstract:** *Kolej Komuniti Temerloh a vital role in the implementation of lifelong learning based on the elements of the Fourth Industrial Revolution (IR4.0). The Fourth Industrial Revolution refers to the digital transformation and use of technology that influences various aspects of life, including education and learning. The Department of Polytechnic and Community College Education (JPPKK) has outlined the Fourth Industrial Revolution (IR4.0), which introduces new technologies such as the Internet, modeling and simulation, and others, to expand knowledge to every society. In addition to lifelong learning courses for the local community, the community college has also taken a new step in enhancing balanced human capital through the Lifelong Islamic Education Program (PISH). However, this study aims to examine and analyze the role and participation statistics of the community in lifelong learning courses at Kolej Komuniti Temerloh based on the elements of the Fourth Industrial Revolution (IR4.0). Furthermore, this study suggests offering more courses in lifelong learning by incorporating the elements of the Fourth Industrial Revolution (IR4.0). This study is a qualitative content analysis. The*

*research data were obtained from primary sources in the records of lifelong learning courses at Kolej Komuniti Temerloh. This data was supplemented by secondary sources, including customer service findings and reports related to lifelong learning, as well as observations by the researcher on course participants. The study found that community participation was high, with 570 participants in 2022, which is a 200 percent increase compared to previous years. However, participation among ethnic groups other than Malays was very low.*

**Keywords:** Temerloh Community College, Lifelong Learning, Community, Temerloh, Pahang

**Cite this article:** Mohd Fazli Khaisunizam Ismail, Siti Shuhaili Mohamad Moha & Norsaritanaini Mahasan (2023). Peranan Kolej Komuniti Temerloh terhadap pelaksanaan Pembelajaran Sepanjang Hayat berteraskan elemen Revolusi Industri 4.0. *Global Journal of Educational Research and Management (GERMANE)*, 3(2), p 17-26.

## PENGENALAN

Kolej Komuniti dalam rekod sejarah negara pernah digesa penubuhannya melalui Parlimen Malaysia semenjak tahun 1989. Gesaan ini dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ong Tee Kiat dalam parlimen dengan menasarkan pihak swasta sebagai peneraju pusat pendidikan ini (Penyata Rasmi Dewan Rakyat, 1989). Gesaan ini dilakukan untuk memperkuatkan pendidikan berbentuk kemahiran di dalam negara sambil meningkatkan peluang pengajian dan mengurangkan aliran wang keluar negeri (DR.13111989). Pengenalan Kolej Komuniti diwujudkan melalui belanjawan kerajaan pada tahun 2000 dan dibincangkan pada bulan November 2000. Hingga sekarang, Kolej Komuniti telah mencapai usia satu dekad sejak ditubuhkan pada tahun 2001 (Razzian *et al.* 2017). Salah satu reaksi positif terhadap cadangan belanjawan oleh Menteri Kewangan dibuat oleh Ahli Parlimen Rompin yang menyatakan:

"…usaha dan cadangan yang sangat baik sekali. Sebab sekarang ini, ketika mereka belajar di institut pengajian tinggi, kolej, atau universiti, kos yang paling besar atau separuh daripada kos hidup mereka..."

(Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, 1999a).

Kenyataan ahli parlimen ini menunjukkan sokongan terhadap penubuhan pusat pendidikan komuniti. Pusat pendidikan ini diwujudkan untuk memenuhi keperluan dalam komuniti dan untuk mewujudkan pembelajaran sepanjang hayat. Sokongan turut dibuat oleh Ahli Parlimen Balik Pulau dengan menyifatkan bahawa kolej komuniti adalah platform pembelajaran sepanjang hayat yang penting untuk masyarakat merentasi status dan umur (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, 1999b).

Selain itu, Dato' Mohd Sarit Yusoh (Ahli Parlimen Temerloh) turut menyokong usaha penubuhan kolej komuniti. Beliau dalam kenyataan di Parlimen pasca penubuhannya menyatakan:

"...Saya kira kalau Singapura boleh berbangga dengan keupayaan guna tenaganya yang efisien, fleksibel dan berkelayakan, kualiti yang boleh menjamin pelaburan di pulau Singapura, Malaysia juga saya kira mestilah merancang guna tenaga yang sedemikian rupa supaya pelaburan di luar negara akan terjamin."

(Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat, 2001).

Kenyataan ini mendokong penghasilan tenaga kerja yang berkemahiran sebagai satu bentuk pernacangan guna tenaga yang efisien.

Kenyataan dan dokongan terhadap penubuhan kolej komuniti seperti dinyatakan di atas, menunjukkan betapa kolej yang ditubuhkan ini selari dengan keperluan komuniti. Komuniti dalam erti kata memberi peluang kedua kepada belia, di samping menjadi lokasi untuk pembelajaran sepanjang hayat yang berkait dengan re-skilling dan up-skilling. Berdasarkan memorandum No 398/2225/00 yang dikemukakan Menteri Pendidikan pada tahun 2000, penubuhan kolej komuniti telah berjaya direalisasikan dengan penubuhan 12 kolej pada tahun 2001. Sehingga tahun 2014, jumlah kolej komuniti adalah sebanyak 91 buah (Amir,

2014). Menerusi perkembangan dan sambutan yang sangat baik, Kolej Komuniti pada tahun 2023 berjumlah 105 buah di seluruh negara (Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti, 2021).

## PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Kolej komuniti adalah satu institusi untuk membangunkan komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih melalui kursus yang ditawarkan seperti PSH dan PISH. Penyertaan terhadap kursus berkaitan adalah meningkat dari tahun ke tahun, seiring dengan pertambahan jumlah kolej komuniti di seluruh negara. Selain itu, peserta dalam kursus ini juga, turut disertai oleh warga emas untuk mengikuti pembelajaran berkaitan kemahiran atau pengetahuan yang boleh digunakan dalam kehidupan sehari-hari. Menurut Siti Salwa *et al.* (2020), menyatakan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan elemen Revolusi Industri ke-4 (IR4.0) yang melahirkan teknologi baru antaranya ialah Internet untuk Segalanya (*Internet of Things*), Analitik Data Raya (*Big Data Analytics*) dan Permodelan & Simulasi (*Simulation & Modelling*) sebagai satu ilmu yang baharu dan secara tidak langsung dapat menawarkan dan memperkenalkan program PSH yang menerapkan elemen revolusi Industri 4.0 kepada seluruh masyarakat.

Terdapat pelbagai halangan yang dihadapi dalam mempromosikan kolej komuniti sebagai satu tempat untuk dijadikan salah satu pilihan masyarakat untuk melibatkan diri dalam program PSH. Antaranya ialah cabaran dari segi penyebaran maklumat, kaedah permohonan serta persoalan berkenaan kursus PSH. Menurut Siti Salwa *et al.* (2020), lebih 250,000 peserta daripada segenap lapisan anggota komuniti dan pekerja industri mengikuti pelbagai program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) yang berlangsung setiap minggu di semua institusi kita seluruh negara. Oleh itu, kajian ini memberi penumpuan kepada peranan kolej komuniti dalam melaksanakan pembelajaran sepanjang hayat berteraskan elemen revolusi industri 4.0 agar dapat disebarluaskan dengan lebih cepat dan mudah. Seterusnya meneliti dan mengenalpasti jumlah penerimaan masyarakat dalam program PSH revolusi industri 4.0.

## OBJEKTIF KAJIAN

Bagi merealisasikan kajian ini, terdapat dua objektif kajian iaitu :

1. Membincangkan statistik penyertaan program PSH yang menerapkan revolusi industri 4.0 di Kolej Komuniti Temerloh.
2. Meneliti penyertaan kaum dan penawaran kursus PSH berdasarkan Revolusi Industri 4.0.

## METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasi pendekatan kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan dua kaedah untuk pemerolehan data. Kaedah pertama menerusi data bersumber primer yang berbentuk fail laporan kursus sepanjang hayat yang disediakan di bawah Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Temerloh. Data tersebut berbentuk rekod peserta dari segi penjumlahan, demografi dan jenis kursus. Seterusnya data turut diperoleh menerusi muatan atas talian kolej komuniti seluruh Malaysia berkenaan penglibatan dan pencapaian penganjuran kursus sepanjang hayat. Selain itu, pemerhatian turut digunakan untuk mengesahkan data-data yang terdapat dalam sumber primer tersebut. Antara ciri utama bagi pemilihan sampel kajian ini adalah bertepatan dengan etika kajian yang berteraskan prinsip kerelaanhati atau kesanggupan sampel untuk melibatkan diri dalam sesuatu kajian.

Penganalisisan data menggunakan tatacara deskriptif dan deduktif. Data sumber primer yang dikumpulkan dan dilaporkan secara deskriptif. Selanjutnya, data dibahagikan pada pemeringkatan kajian iaitu demografi dengan tumpuan pada kaum dan penglibatan kaum menurut jenis kursus yang dihadiri. Pemeringkatan ini diasingkan bagi melihat penglibatan kaum dan menggunakan tatacara deduktif.

## **ANALISIS DAN DAPATAN**


Populasi penduduk Temerloh menurut bancian perumahan pada tahun 2010 ialah sebanyak 112,678 orang. Jumlah ini mewakili sebanyak (7.80%) penduduk di seluruh negeri Pahang. Kadar pertumbuhan penduduk tahun dari tahun 2000 sehingga 2010 berkembang sebanyak (1.53%). Perkembangan semasa menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), jumlah populasi di Temerloh adalah 169,023. Berdasarkan rekod fail kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH), dapatan perkembangan jumlah peserta yang terlibat adalah seperti berikut:

Rajah 1: Sumber Fail PSH Kolej Komuniti Temerloh, 2020-2022




Rajah di atas menunjukkan perbezaan jumlah peserta kursus PSH berteraskan revolusi industri 4.0 di Kolej Komuniti Temerloh bertambah sebanyak 379 peserta pada tahun 2022 berbanding 2021. Bagaimanapun, pada tahun 2021 bilangan peserta menurun sebanyak 66 orang dari tahun sebelumnya iaitu 2020. Statistik pendaftaran program PSH dalam menerapkan elemen revolusi 4.0 pada tahun 2019 mempunyai jumlah peserta seramai 278 orang. Tambahan pula, mengikut perbandingan unjuran jumlah peserta dan komposisi penduduk di Daerah Temerloh berdasarkan rekod 2020 adalah sebanyak (3.0%). Perincian latar belakang peserta pula bagi tahun 2020 adalah seperti berikut:

Rajah 2: Peserta PSH Revolusi Industri 4.0 berdasarkan Jantina dan Kaum 2020




Berdasarkan rajah 2, dapat dikenalpasti penglibatan yang tinggi dari kaum Melayu. Kaum ini mewakili keseluruhan sebanyak (98.5%) daripada jumlah peserta. Sementara itu, penglibatan lelaki dari kaum Melayu pada tahun 2020 mewakili (47.5%) daripada jumlah peserta. Selain itu, jumlah penyertaan bagi perempuan dari kaum Cina adalah sama dengan penglibatan dari kaum India iaitu daripada golongan lelaki sebanyak (0.8%). Konsistensi penglibatan secara ketara melalui kaum dapat juga dilihat pada tahun 2021. Jadual berikut menunjukkan bilangan peserta PSH berdasarkan jantina dan kaum pada tahun 2021.

Rajah 3: Peserta PSH Revolusi Industri 4.0 berdasarkan Jantina dan Kaum 2021




Melalui rajah di atas, penglibatan peserta berasaskan kaum masih didahului kaum Melayu sebanyak (95.3%) berbanding Cina 1 %, India (2.6%) dan lain-lain (1%). Berikut adalah rajah komparatif peserta PSH berdasarkan kaum di Kolej Komuniti Temerloh:

Rajah 4: Peserta PSH Revolusi Industri 4.0 berdasarkan Jantina dan Kaum 2022



Berdasarkan rajah di atas, penglibatan kaum Melayu masih mengekalkan kedudukan yang tinggi berbanding kaum lain iaitu sebanyak (92.9%). Pada tahun 2022 ini, penyertaan dari kaum lain adalah (3.3%) lebih tinggi berbanding kaum Cina dan India. Manakala jumlah penyertaan dari kaum Cina lebih rendah dari kaum India iaitu sebanyak (1.4%). Peningkatan jumlah peserta PSH Revolusi Industri 4.0 menunjukkan satu peningkatan yang ketara dari tahun 2021 yang hanya mengumpulkan 191 peserta. Berikut adalah rajah komparatif peserta PSH berdasarkan kaum di Kolej Komuniti Temerloh:

Rajah 5: Komparatif Penyertaan Peserta PSH Revolusi Industri 4.0 Kolej Komuniti Temerloh 2020-2022



Rajah 5 menunjukkan perbezaan ketara antara penglibatan antara kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain. Perbezaan ketara ini dipengaruhi banyak faktor. Melalui pemerhatian pengkajian atas peserta dan data fail menunjukkan satu daripada faktor pemungkin penglibatan kaum Cina dan India dalam kursus PSH Revolusi Industri 4.0 adalah disebabkan taburan kluster kursus PSH yang ditawarkan. Berikut Jadual 1 hingga 3 menunjukkan taburan kluster penawaran.

Jadual 1: Kluster Penawaran Kursus PSH Revolusi Industri 4.0 2020

<b>Bil</b>	<b>Kluster</b>	<b>Jumlah</b>	
		<b>Kursus</b>	<b>Peserta</b>
1	Block Programming (minecraft)	1	14
2	Block Programming- Angry Birds(7-12)	1	20
3	Cloud Computing (google docs)	1	10
4	Cloud Computing (google forms)	1	10
5	Cloud Computing (google sheets)	1	10
6	Pengintegrasian Jamboard and meet dalam classroom untuk remote learning	1	40
7	Penyediaan bahan multimedia (video) dalam talian (youtube)	1	40
8	Robot Car (obstacle avoidance) (umur 10-17 tahun)	1	11
9	Robot Kit For Kids	1	26
10	Robotic Junior Camp (6-8 tahun)	1	22
11	Robotic Junior	1	12
12	Soccer Bot (cipta bot) (9-17 tahun)	1	31
13	Video Editing (Filmora)	1	11
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>13</b>	<b>257</b>

Jadual 2: Kluster Penawaran Kursus PSH Revolusi Industri 2021

<b>Bil</b>	<b>Kluster</b>	<b>Jumlah</b>	
		<b>Kursus</b>	<b>Peserta</b>
1	Asas Penggunaan Google Drive (Google Docs, Google Sheets dan Google Slides)	1	46
2	Asas Penggunaan Google Drive (Google Form)	1	46
3	Pemasaran Media Sosial – Facebook For Business	1	33
4	Pemasaran Media Sosial (Instagram For Business)	1	33
5	Pemasaran Media Sosial (Whatsapp For Business)	1	33
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>5</b>	<b>191</b>

Penerimaan pihak komuniti terhadap kursus pembelajaran sepanjang hayat berteraskan revolusi 4.0 ini sejajar dengan jumlah kekerapan penawaran kursus di bawah kluster yang dinyatakan dalam tempoh setahun. Selain itu, berdasarkan ekstrak fail peserta PSH Kolej Komuniti Temerloh secara bulanan pula menunjukkan penglibatan kaum Cina dan India adalah seperti berikut:

Jadual 3: Kluster Penawaran Kursus PSH Revolusi Industri 2022

<b>Bil</b>	<b>Kluster</b>	<b>Jumlah</b>	
		<b>Kursus</b>	<b>Peserta</b>
1	4irpsh Belajar Asas Pengaturcaraan Robotik (Asas Pengaturcaraan Arduino)	2	40
2	Projek Elektronik Guna Simulasi Thinkercad Circuit Part 1 (10 - 12 Tahun)	2	26
3	4irpsh Asas Sistem Solar ( Amali Sistem Solar & Diy Power Box)	2	48
4	Asas Autocad (Asas)	2	34
5	Women's Empowerment: Pemasaran Online	2	30
6	Pkk22 Temerloh Servis Penyamanan Udara Rumah (Strategi Pemasaran Digital Online)	2	30
7	Basic Seller Shopee	1	14
8	Pkk22 Temerloh Aneka Kek (Strategi Pemasaran Digital Online)	2	30
9	Asas Terapi Bermain (Dalam Talian)	1	4
10	Microsoft Excel & Microsoft Powerpoint (Kumpulan 2)	2	30
11	Bootcamp @Cc: 2 Days Too Fun (Komputer)	1	45
12	Computer For Kids (Ms Word)	1	25
13	Fun Animation For Kids (Ms Powerpoint)	1	12
14	Intermediate Excel To Excellent	2	20
15	Fun Animation For Kids (Ms Word)	1	12
16	Learn Prezi For Wow Presentation (Siri 1)	2	20
17	Computer For Kids (Ms Powerpoint)	1	25
18	Interactive Slide Show Ms Powerpoint For Kids	1	12
19	Fun Pc Drawing For Kids Kiddle By Google	2	36
20	Belajar Arduino Menggunakan Thinkercad	1	5
21	Penggunaan Google Apps	2	4
22	It Network Cabling	1	35
23	Computer Graphic For Fashion Design	1	23
24	Jom Belajar Grafik (Asas Editing Menggunakan Adobe Photoshop)	1	10
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>36</b>	<b>570</b>

Dapatan analisis mendapati majoriti penglibatan peserta dalam kursus PSH Revolusi Industri 4.0 adalah daripada kaum melayu. Bagi kaum Cina dan India pula menujukkan bilangan peserta yang sangat rendah. Walau bagaimanapun terdapat beberapa jenis kursus yang mendapat sambutan daripada kedua-dua kaum tersebut. Jadual di bawah memaparkan senarai kursus yang melibatkan kaum Cina dan India di Kolej Komuniti Temerloh pada taun 2022:

Jadual 4: Senarai Kursus PSH Revolusi Industri 4.0 Melibatkan Kaum Cina dan India 2022

Bil.	Nama Kursus	Jumlah peserta
1.	Projek elektronik guna simulasi thinkercad circuit part 1 (10 - 12 tahun)	2
2.	Projek elektronik guna simulasi thinkercad circuit part 2 (10 - 12 tahun)	2
3.	Women ""s empowerment: pemasaran online	3
4.	Pkk22 temerloh aneka kek (strategi pemasaran digital online)	1
5.	Pkk22 temerloh aneka kek (strategi pemasaran digital offline)	1
6.	Asas terapi bermain (dalam talian)	1
7.	Bootcamp @cc: 2 days too fun (komputer)	4
8.	Interactive slide show ms powerpoint for kids	1
9.	Fun pc drawing for kids	1
10.	It network cabling	5
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>21</b>

Kursus PSH yang disertai Kaum Cina dan India menunjukkan rangkuman antara pelbagai kluster. Keadaan ini menunjukkan berlakunya penerimaan khusus dari kaum Cina dan India terhadap kursus yang ditawarkan di peringkat Kolej Komuniti Temerloh. Berdasarkan statistik pendaftaran kursus PSH (Fail PSH, 2020-2022)

## KESIMPULAN

Kajian mendapati, statistik penawaran kursus menunjukkan sambutan yang menggalakkan walaupun menerapkan satu elemen baru iaitu revolusi 4.0 (IR4.0). Penerimaan dan penglibatan komuniti dalam kursus berkaitan PSH meningkat serta relevan dikekalkan. Peningkatan bukan sahaja berlaku, bahkan turut mencapai aras minima pada penunjuk prestasi (*Key Performance Indexes*) sebagaimana yang ditetapkan pihak Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti. Bagaimanapun, dalam meneliti penerimaan PSH dalam kalangan komuniti di Temerloh, terdapat perbezaan ketara dalam data penglibatan peserta PSH berdasarkan kaum. Kajian ini mendapati kursus PSH yang disampaikan pada komuniti sesuai dengan komuniti kaum Melayu. Penglibatan kaum selain Melayu berada tahap rendah. Kajian mengusulkan supaya program PSH menawarkan lebih banyak kursus yang berdasarkan elemen revolusi 4.0 pada tahun yang mendatang. Oleh itu, pihak kolej komuniti mestilah sentiasa berusaha untuk menambahkan kemahiran mengikut keperluan semasa dan memastikan infrastruktur sentiasa mencukupi. Kajian tinjauan dilakukan terus pada komuniti untuk meneliti persepsi terhadap kewujudan kolej komuniti terutama dari kalangan kaum Cina dan India. Usulan ini akan membawa pada dapatan faktor dan kaedah mempertingkatkan penyampaian kursus PSH revolusi industri 4.0 terhadap kaum Cina dan India.

## RUJUKAN

- Amir, M. N. (2014). Industry and community participation in lifelong learning and collaboration with service providers. Ucapan International Seminar on Lifelong Learning, Kuala Lumpur, 25-26 Ogos.
- Fail Rekod Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Temerloh, (2020).
- Fail Rekod Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Temerloh, (2021).
- Fail Rekod Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Temerloh (2022).
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2010). Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti. (2021). Informasi Kolej Komuniti 2021. Putrajaya: Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.
- Mohd Faizullah, M., Badaruddin, I. & Norlida, S. (2014). Tinjauan terhadap keberkesanan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. *Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET) kali ke-4*.
- Mohd Ismail, A. A. (2018). Amanat Ketua Pengarah Tahun Baru 2018. Ucapan Amanat Tahun Baharu, Politeknik Negeri Sembilan, 12 Januari.
- Razzian, M. R., Rasmuna, H. & Ahmad Khairunizam, Z. (2017). Laporan kajian persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan dan fungsi kolej komuniti. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 1(1): 86-99.
- Siti Salwa, K., Shahrulnizam, S. & Ali, S. (2020). Faedah Penyertaan Program PSH: Tinjauan Penerapan Elemen Revolusi Industri ke-4 (IR4.0) di Kolej Komuniti. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)*.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. (2001). DR.03042001. 3 April. Bil. 8.
- Penyata Rasmi Dewan Rakyat. (1989). DR.01111989. 1 Nov. Jil. 3. Bil. 38.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. (1999a). DR.02111999. 2 Nov. Bil. 41.
- Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. (1999b). DR.03111999. 3 Nov. Bil. 42.